

23.11.2022

KENYATAAN MEDIA

HENTI TUGAS SEBAHAGIAN LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA: GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 48 JAM DI SEBERANG PERAI 2-4 DISEMBER 2022

Masa/Hari/Tarikh	10.00 malam, hari Jumaat, 2 Disember 2022 – 10.00 malam, hari Ahad, 4 Disember 2022
Sebab	Kerja-kerja Penggantian Injap di Loji Rawatan Air Sungai Dua
Bil. Akaun air yang terjejas	197,851

PULAU PINANG, Rabu, 23.11.2022: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) akan menghenti tugas sebahagian Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua bagi membolehkan kerja-kerja penggantian injap berdiameter 1350mm dan 1200mm yang rosak di loji berkenaan dilaksanakan.

Selain penggantian injap berkenaan, PBAPP akan turut menjalankan kerja-kerja berikut pada masa yang sama bagi mengelak gangguan bekalan air berulang di kawasan-kawasan yang sama jika ia dijalankan secara berasingan.

- i. Kerja pembaikan paip berdiameter 1200mm di Permatang Ara
- ii. Kerja penyelenggaraan oleh Tenaga Nasional Berhad(TNB) di Rumah Pam Bukit Minyak.

Sebanyak 197,851 akaun air meliputi tiga daerah iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan terjejas dengan gangguan bekalan air berjadual ini.

Daripada jumlah itu, 24,615 akaun air akan mengalami tekanan air rendah, manakala 173,236 akaun akan terputus bekalan air.

Henti tugas akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual di kawasan-kawasan berikut:

TEKANAN AIR RENDAH

Seberang Perai Tengah

1.	Pekan Bukit Mertajam	5.	Sepanjang Jalan Rozhan
2.	Sepanjang Jalan Kampung	6.	Sepanjang Jalan Sg. Rambai
3.	Sepanjang Jalan Damai	7.	Sepanjang Jalan Padang Lalang
4.	Jalan Alma		

TIADA BEKALAN AIR

Seberang Perai Utara

1.	Taman Desa Murni	18.	Permatang Kuala
2.	Taman Seri Murni	19.	Permatang Pak Maras
3.	Taman Pengkalan Machang	20.	Permatang Rambai
4.	Taman Janggus Jaya	21.	Permatang Bendahari
5.	Taman Naluri	22.	Lahar Kepar
6.	Taman Pasir Indah	23.	Sepanjang Jalan Bagan Lalang
7.	Bukit Merah (Jln Kubang Semang)	24.	Sungai Puyu
8.	Kampung Bukit Pelanduk	25.	Sepanjang Jalan Sungai Lokan
9.	Butterworth	26.	Kawasan Raja Uda
10.	Bagan Ajam	27.	Kawasan Perusahaan Mak Mandin
11.	Teluk Air Tawar	28.	Jalan Siram
12.	Seluruh Kawasan Penaga	29.	Bagan Dalam
13.	Kuala Muda	30.	Kawasan Perusahaan Acku
14.	Permatang Tok Jaya	31.	Taman Kerapu
15.	Permatang Tok Gelam	32.	Taman Inderawasih
16.	Pekan Darat	33.	Kimisa Garden
17.	Permatang Binjai		

Seberang Perai Tengah

1.	Kawasan Bukit Tengah	15.	Kampung Belah 2
2.	Sepanjang Jalan Bukit Tengah	16.	Taman Pauh
3.	Sepanjang Jalan Permatang Tinggi	17.	Taman Pauh Indah
4.	Taman Pelangi	18.	Taman Pauh Jaya
5.	Autocity	19.	Taman Sri Pauh
6.	Kawasan Perindustrian Bukit Minyak	20.	Taman Pauh Damai
7.	Penang Science Park	21.	Taman Desa Pauh
8.	Kawasan Juru	22.	Kampung Masjid Timah
9.	Sepanjang Jalan Kulim sehingga Taman Machang Manis	23.	Taman Perda
10.	Kawasan Machang Bubuk	24.	Taman Limau Manis
11.	Taman Md. Amin	25.	Taman Delima
12.	Jalan Permatang Nibong	26.	Taman Seri Juru
13.	UITM Pulau Pinang	27.	Sepanjang Jalan Song Ban Kheng
14.	Politeknik Seberang Perai	28.	Seluruh Kawasan Perindustrian Perai

Seberang Perai Selatan

1. Seluruh Kawasan Seberang Perai Selatan kecuali PERDA Tech, Kampung Besar, Kampung Sungai Buaya dan Kampung Sungai Kecil

Sila rujuk lampiran untuk paparan peta kawasan-kawasan yang terjejas.

PBAPP menganggarkan tempoh 48 jam untuk kerja-kerja fizikal di tapak serta tempoh pemulihan dalam sistem agihan bekalan air PBAPP.

PBAPP akan memaksimumkan jumlah pengeluaran air di LRA Air Itam dan LRA lain di bahagian pulau bagi meminimumkan kesan di bahagian pulau.

Selain itu, simpanan air di kolam-kolam takungan juga akan ditingkatkan.

Bagi meminimumkan kesulitan pengguna-pengguna yang terjejas, PBAPP bersama-sama dengan pasukan bomba sukarela yang diselaraskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menggerakkan bantuan bekalan air melalui lori tangki selepas 12 jam gangguan bekalan air berlaku.

PBAPP memohon maaf atas sebarang kesulitan sementara yang berlaku. Sila simpan air yang mencukupi untuk kegunaan semasa gangguan air 48 jam.


Sila hubungi Pusat Panggilan PBAPP di talian 04-255 8255 untuk sebarang pertanyaan.

-tamat-

Dikeluarkan oleh :

Unit Komunikasi Korporat

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd



<p>TITLE :</p> <p>SUNGAI DUA WATER TREATMENT PLANT PARTIAL SHUTDOWN: 48-HOUR SCHEDULED WATER SUPPLY INTERRUPTION IN SEBERANG PERAI 2-4 DECEMBER 2022</p>	<p>LEGEND :</p> <ul style="list-style-type: none"> Mains Roads Highway/Bridge River Railway Track Pump House Treatment Plant Reservoir Dam No Water - 173, 236 Account Affected Low Pressure - 24, 615 Account Affected 	<p style="text-align: center;">UNCONTROLLED</p> <p style="text-align: center;"><i>DISCLAIMER :</i></p> <p style="text-align: center;"><i>Maklumat ini hanya menunjukkan gambaran kedudukan maklumat berkenaan sahaja, PBAPP tidak mempunyai tanggungjawab undang-undang ke atas maklumat yang terkandung di dalam data ini</i></p>	<p style="text-align: right;">PBA Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (197901-X)</p> <p>DISEDIAKAN OLEH : giswrk_per4 TARIKH : Monday, October 03, 2022</p> <p>Scale: 1:66650</p>
---	---	---	--